



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TINGKAH LAKU PENGURUSAN PENGETUA
WANITA DI DAERAH TAWAU DAN KAITANNYA
DENGAN KEBERKESANAN KEPEMIMPINAN
SEKOLAH MENENGAH**

SHARIFA SAMSUDIN

FPP 1999 57

**TINGKAH LAKU PENGURUSAN PENGETUA WANITA DI DAERAH TAWAU
DAN KAITANNYA DENGAN KEBERKESANAN KEPEMIMPINAN SEKOLAH
MENENGAH**

SHARIFA SAMSUDIN

MASTER SAINS

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1999



**TINGKAH LAKU PENGURUSAN PENGETUA WANITA DI DAERAH TAWAU
DAN KAITANNYA DENGAN KEBERKESANAN KEPEMIMPINAN SEKOLAH
MENENGAH**

Oleh :

SHARIFA BINTI SAMSUDIN

**Kertas projek penyelidikan yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains Pentadbiran Pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan di
Universiti Putra Malaysia**

Febuari 1999



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji-pujian dan ucapan syukur kepada Allah s.w.t di atas segala nikmat dan limpah kurnianya, membolehkan pengkaji menghabiskan dan menghasilkan kajian ini setelah melalui banyak cabaran dan dugaan.

Penghargaan utama dan ucapan jutaan terima kasih dirakamkan khas buat penyelia projek iaitu Prof. Madya. Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie di atas segala bantuan yang beliau berikan dalam membimbing, menunjuk ajar, memberi dorongan dan cadangan dalam proses menyediakan kertas projek ini. Jasamu tetap dikenang.

Terima kasih juga diucapkan kepada bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Bahagian Daerah Tawau, pengetua-pengetua dan guru-guru daripada S.M.K. Balung, S.M St Patrick, S.M.K. Tawau, S.M.K Merotai Besar dan S.M.K. Holy Trinity di atas kerjasama dan keizinan yang diberikan kepada penulis semasa menjalankan kajian.

Terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang pengkaji menuntut ilmu di Universiti Putra Malaysia.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat nenda Hj. Rajak dan Hj. Indotang, kedua ibu-bapa Samsudin dan Hj. Lonjo, Abang Supardi & Kak Lily sekeluarga, Kak Samsidar & Abang Mayasin sekeluarga dan Kak Samsia & Abang Zulkarnain sekeluarga di atas pengorbanan mereka.

Akhir sekali ribuan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan Nina, Teng Leng Kiu, Siti, Mas Dara Yanti, Comel, Julita, Eddy dan JC yang banyak memberi inspirasi dan dorongan semasa menyediakan kertas projek ini.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI SINGKATAN.....	viii
ABSTRAK.....	ix
ABSTRACT.....	xi
BAB	Muka Surat
I PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Pernyataan Masalah.....	6
Objektif Kajian.....	7
Persoalan Kajian.....	8
Kepentingan Kajian.....	8
Limitasi Kajian.....	10
Definisi Operasional.....	11
Keberkesanan Kepemimpinan.....	11
Pengurusan.....	11
Tingkah laku.....	12



BAB

II SOROTAN LITERATUR

Pengenalan.....	13
Pengurusan Sekolah.....	15
Stail Kepemimpinan.....	16
Sekolah Berkesan.....	27
Pengetua Berkesan.....	29
Wanita Dalam Kepemimpinan.....	31

BAB

III METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	32
Reka bentuk Kajian.....	32
Tempat Kajian.....	33
Populasi dan Sampel.....	33
Prosedur Pengumpulan Data.....	34
Kajian rintis.....	34
Kajian sebenar.....	35
Alat Penyelidikan.....	35
Analisis Data.....	38

BAB

IV DAPATAN KAJIAN

Pengenalan.....	40
Latar Diri Responden.....	40



Jantina.....	40
Keturunan.....	41
Umur Responden.....	42
Kelulusan Akademik.....	43
Kelulusan Ikhtisas.....	43
Pengalaman Mengajar.....	44
Analisis Skor Min Tingkah laku Pengurusan.....	45
Min Pencapaian Matlamat.....	46
Min Penyeliaan Staf.....	47
Min Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran.....	50
Min Kemahiran Staf.....	51
Min Membuat Keputusan.....	53
Min Hubungan dengan Murid.....	54
Perbezaan Persepsi Guru Mengikut Jantina.....	56
Keberkesanan Kepemimpinan Melalui Pencapaian Akademik SPM.....	57
Persepsi Guru Terhadap Skor LPC.....	59

BAB

V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Perbincangan.....	61
Kesimpulan.....	70
Cadangan.....	72
Cadangan Kajian Akan Datang.....	74

SENARAI RUJUKAN.....	76
LAMPIRAN	
A Jadual 18.....	81
B Soal Selidik.....	85
C Surat-surat Rasmi.....	89
BIOGRAFI PENYELIDIK.....	92
PENGESAHAN.....	93



SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
1. Item bagi tingkah laku pengurusan	37
2. Taburan jantina responden	41
3. Taburan keturunan responden	41
4. Taburan berdasarkan umur	42
5. Taburan kelulusan akademik tertinggi	43
6. Taburan kelulusan ikhtisas	44
7. Taburan pengalaman mengajar	44
8. Min purata dan sisihan piawai bagi tingkah laku pengurusan	45
9. Min item pencapaian matlamat	48
10. Min item penyeliaan staf	49
11. Min item perancangan program Pengajaran dan Pembelajaran (P & P)	51
12. Min item kemahiran staf	52
13. Min item membuat keputusan	54
14. Min item hubungan dengan pelajar	55
15. Ujian t bagi persepsi guru terhadap tingkah laku pengurusan mengikut jantina	56
16. Peratus pencapaian SPM selama tiga tahun berturut-turut	58
17. Skor LPC	59

SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
LPC	Low Preferred Coworker
SES	Sosio Ekonomi Semasa
SPSS	Statistical Packages for The Social Science

Abstrak projek kajian yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

TINGKAH LAKU PENGURUSAN PENGETUA WANITA DI
DAERAH TAWAU DAN KAITANNYA DENGAN KEBERKESANAN
KEPEMIMPINAN SEKOLAH MENENGAH

Oleh

SHARIFA BINTI SAMSUDIN

FEBUARI, 1999

Penyelia : Prof. Madya Dr. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Keupayaan kaum wanita untuk muncul sebagai pengurus dan pemimpin di sekolah tidak dapat dipertikaikan lagi. Kajian ini cuba melihat apakah tingkah laku pengurusan yang diamalkan oleh pengetua wanita. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti (1) tingkah laku pengurusan pengetua wanita; (2) tingkah laku pengurusan pengetua wanita dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam SPM; (3) stail kepemimpinan pengetua wanita mengikut skor LPC; (4) melihat perbezaan persepsi guru mengikut jantina terhadap tingkah laku pengurusan pengetua wanita.



Untuk kajian ini seramai 160 orang responden telah dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah di daerah Tawau. Data dikutip melalui soal selidik. Analisis data adalah menggunakan pakej SPSS (Statistical Packages for the Social Science).

Dapatan kajian menunjukkan tingkah laku pengurusan pengetua wanita amat menitikberatkan pencapaian matlamat yang perlu dicapai untuk kecemerlangan sekolah. Stail kepemimpinan pengetua wanita digambarkan kurang memberi perhatian kepada pendekatan motivasi perhubungan samada dengan guru ataupun murid. Namun keberkesanan kepemimpinan pengetua wanita di daerah Tawau dapat dilihat melalui kemampuan mereka meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan SPM untuk tahun 1995 hingga 1997.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Science.

MANAGERIAL BEHAVIOR OF FEMALE PRINCIPALS IN DISTRICT OF TAWAU
AND IT RELATIONS TO LEADERSHIP EFFECTIVENESS IN SECONDARY
SCHOOL

By:

SHARIFA BINTI SAMSUDIN

FEBUARY, 1999

Supervisor : Prof. Madya Dr. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie

Faculty : Faculty of Educational Studies

The ability of women to become a leader and manager has become common in school. The objectives of this research are to identify managerial behavior that is being practiced by female principals. To be specific, the purpose of this research is to identify (1) managerial behavior of female principal's; (2) female principals managerial behavior and its influence on academic achievement; (3) female principal's leadership style as measured by LPC score; (4) the difference in teacher's perception based on gender towards female principal's managerial behavior.



For the purpose of this research, 160 respondents were randomly chosen from four secondary schools in the district of Tawau. Data was collected using questionnaires. Data was analyzed using SPSS.

Findings indicated that female principal's managerial behaviors are more concern to achieve school goals and excellence. Female principal's leadership style indicated that the principal's pay less attention to relationship motivated approach either with teachers or with students. However leadership effectiveness of female principals in the district of Tawau is proved by the improvement of student's achievement in SPM examination from 1995 to 1997.



BAB I
PENDAHULUAN

Pengenalan

Kecemerlangan adalah matlamat terulung dalam sesebuah organisasi. Sebagai usaha menjadi negara maju perkembangan dan kemajuan negara banyak bergantung kepada kecemerlangan dan kualiti pendidikan. Anjakan paradigma yang dialami kini membawa satu cabaran utama terhadap sistem pendidikan di negara ini. Dalam sistem pendidikan, kepentingan pengurusan dan kepemimpinan tidak kurang pentingnya terutama di peringkat sekolah. Dalam banyak perkara, pengetua adalah individu yang berada di tempat tertinggi carta organisasi operasi sekolah.

Cabaran kritikal dalam pembangunan dan pengurusan sistem pendidikan negara ialah mewujudkan pentadbir dan pengurus sekolah yang berkaliber dan berkesan. Pengetua yang dianggap pemimpin sekolah telah menjadi agenda penting pendidikan pada masa kini, peranan pengetua seringkali dikaitkan dengan kemajuan atau kemunduran sesebuah sekolah (Noor Jaafar, 1998). Menurut Gray (1990) tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa sekolah yang berkesan diterajui oleh kepemimpinan yang lemah.

Oleh yang demikian ketidakmampuan sesetengah sekolah mencapai matlamat rasmi sebagai agen perubahan menjadi perkara yang membimbangkan. Maka usaha meningkatkan atau memperbaiki kepemimpinan pengetua merupakan satu usaha yang berterusan ke arah menyesuaikan peranan kepemimpinan dengan keadaan pendidikan yang sentiasa berubah (Al-Ramaiah, 1993).

Kepemimpinan adalah satu fungsi pengurusan, dari segi kedudukan, seorang pengetua adalah seorang pengurus dan juga pemimpin sekolah (Ismail, 1998). Dalam mengharungi perubahan pesat arus reformasi pendidikan, ianya memerlukan perubahan yang radikal dalam aspek pengurusan di sekolah. Beberapa pendekatan telah dikaji dan dibuat untuk mengenal pasti pemimpin yang berkesan dengan pemimpin yang kurang berkesan. Oleh itu untuk menjadi pentadbir sekolah, mestilah terdiri dari individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan melebihi komuniti lain dalam sekolah tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Wright (1992) bahawa segalanya tidak sempurna dan pengetua hendaklah melakukan yang terbaik sepanjang masa.

Oleh kerana tugas pengetua semakin bertambah kompleks dengan kuasa yang pelbagai (pluralism of power) disamping fungsi dan kewujudannya diperdebatkan samada dari sudut ekonomi, ideologi dan politik (Shukor, 1998), maka pengetua perlu memperlengkapkan diri dengan kepakaran dari segenap aspek. Sekolah yang kurang maju boleh bertukar menjadi sekolah yang berjaya sekiranya sekolah tersebut mempunyai pengetua yang berkualiti.

Seseorang itu mungkin dilahirkan dengan beberapa ciri kepemimpinan yang baik, tetapi pelbagai ciri baik yang lain dalam kepemimpinan juga boleh diasuh (Lee Ong Kim, 1994). Di Malaysia, pemimpin sekolah atau pengetua dipilih dari kalangan guru sekolah. Oleh itu pengetua perlu mempelajari lebih mendalam tentang corak pentadbiran, pengurusan dan kepemimpinan sekolah. Institut Aminuddin Baki banyak menawarkan dan memperkenalkan program latihan untuk para pemimpin sekolah. Jika seseorang pengetua itu

kurang memiliki personaliti untuk menjadi pemimpin atau pengurus sekolah, kursus 'grooming' perlu dilakukan untuk membolehkan mereka menjadi pengetua yang berkesan (Shukor, 1998).

Kemajuan sesebuah sekolah amat bergantung kepada keberkesanan kepemimpinan pengetua. Di samping kepemimpinan, pengurusan juga adalah fenomena penting untuk mencapai kecemerlangan sekolah terutama dalam situasi sekarang, di mana pengetua banyak berhadapan dengan suasana yang kritikal yang mencabar peranan dan kewibawaan mereka.

Untuk melahirkan pengetua dan sekolah yang berkesan, banyak cara dan teknik perlu digunakan dalam aspek kepemimpinan dan pengurusan sekolah kerana untuk mengubah sesuatu iklim atau budaya sesebuah sekolah bukanlah satu tugas yang mudah. Apalagi perubahan yang melibatkan persepsi dan tingkah laku ahli dalam organisasi sekolah. Tugas pengetua sebagai 'inovator' di sekolah tidak bergantung sepenuhnya kepada siapa yang memimpin dan dipimpin tetapi kelayakan dan kebolehan yang dimilikinya. Jika dilihat dari kepentingan peranan pengetua, maka dianjurkan supaya para pengetua hendaklah sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan perubahan yang akan datang bersama prinsip globalisasi yang menyarankan para pemimpin bersikap terbuka dan positif (Aminuddin, 1994).

Disebabkan banyak dan tingginya harapan diletakkan di atas bahu pengetua, maka para pemimpin sekolah mestilah mencuba pelbagai alternatif untuk memajukan sekolah, supaya sekolah pimpinan mereka menjadi sekolah yang berkesan dan efisien. Keberkesanan kepemimpinan sesebuah sekolah dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antara ciri yang biasa

diambil kira adalah seperti peningkatan prestasi akademik, kurangnya masalah disiplin serta sekolah ditadbir dan diurus oleh pemimpin yang berkebolehan (Abdul Karim, 1993).

Untuk menjadi pemimpin yang berkesan bukanlah satu tanggungjawab yang mudah, lebih-lebih lagi di zaman yang serba canggih ini. Dimana kedengaran di sana-sini tentang kegiatan yang tidak bermoral dan perlakuan jenayah yang membabitkan pelajar sekolah. Dalam usaha untuk memartabatkan semula sekolah sebagai pusat asas melahirkan pelajar cemerlang dari segi akademik dan moral, pengetua berperanan utama untuk mengurangkan masalah ini memandangkan sebahagian masa pelajar banyak dihabiskan di sekolah.

Dewasa ini, sekolah tidak lagi dianggap oleh pelajar sebagai tempat untuk mencari ilmu dan memperolehi nilai-nilai murni, sebaliknya hanya sebagai peraturan dan budaya yang mesti dipatuhi dari keluarga mereka. Terdapat pelajar yang beranggapan sekolah hanya sebagai tempat pelarian 'escapism' dari masalah yang mereka hadapi di rumah. Oleh itu untuk mewujudkan situasi persekitaran dan iklim sekolah yang kondusif memerlukan kebijaksanaan pengetua. Pengetua sewajarnya mampu menjadi pengurus dan pemimpin yang berkesan dan mengambil pendekatan yang lebih praktikal dalam melaksanakan sesuatu keputusan (Mohamad Muda, 1998).

Kajian sekolah berkesan dihubungkan dengan pengetua yang berkesan. Pengetua berkesan memerlukan kemahiran-kemahiran untuk mengurus sekolah. Menurut Sergiovanni (1990) pemimpin sekolah memainkan pelbagai peranan. Oleh yang demikian para pengetua mesti pandai mengatur dan menyelesaikan tuntutan yang timbul samada dari dalam sekolah

mahupun dari luar sekolah. Ini adalah kerana sebagai organisasi formal, sekolah diwujudkan adalah untuk pelajar, oleh yang demikian matlamat sesebuah sekolah adalah untuk kepentingan pelajar (Ibrahim Mahmood, 1997).

Bagi memenuhi matlamat ini, pengetua hendaklah memperlengkapkan diri mereka bukan sahaja dari segi kebolehan personaliti tetapi apa yang lebih penting ialah peningkatan kapasiti minda. Dalam menghadapi cabaran dalam bidang kerjaya pengetua yang bercorak keilmuan yang luas dan kompleks memerlukan kekuatan untuk mengenal pasti matlamat dan data yang relevan (Noor Jaafar, 1998). Kejelasan dan keberkesanan pemimpin berkait dengan misi sekolah, pengurusan kurikulum, penyeliaan yang bernilai yang disatukan untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Parker, 1993).

Selain melihat perkaitan antara pengetua berkesan dengan pencapaian pelajar, persepsi guru terhadap tingkah laku pengurusan dan kepemimpinan sekolah mestilah diambil kira. Menurut Ron Brandt (1989), guru yang mempunyai persepsi yang positif terhadap kualiti tempat kerja mereka adalah lebih produktif. Ini kerana dalam menjalankan sistem pentadbiran dan pengurusan sekolah, pengetua dibantu oleh para guru untuk melicinkan perjalanan aktiviti sekolah. Keberkesanan kepemimpinan juga dinilai dari segi keupayaan pengetua memahami dan memenuhi keperluan guru, tanpa guru pengetua tidak akan mampu mewujudkan sekolah berkesan.

Pernyataan Masalah

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan, kebanyakan pengetua sekarang berjaya menjadi pengurus yang cekap, tetapi tidak ramai yang muncul sebagai pemimpin yang baik dan berkesan (Muhamad Muda, 1998). Dalam mengambil kira faktor-faktor yang menentukan kecemerlangan sekolah, apakah pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pengetua untuk meningkatkan keberkesanan kepemimpinan mereka? Setiap pengetua mempunyai corak pendekatan pengurusan dan kepemimpinan yang berbeza. Oleh itu apakah tingkah laku pengurusan yang sesuai digunakan oleh pengetua wanita dalam memimpin sekolah mereka? Adakah terdapat perbezaan pendekatan yang digunakan oleh pengetua wanita dalam menghadapi masalah di sekolah? Dan mampukah wanita mentadbir dan mewujudkan sekolah cemerlang. Apakah tingkah laku pengurusan yang berkesan untuk dilaksanakan oleh pengetua wanita dalam kepemimpinan mereka di sekolah menengah.

Kepemimpinan pengetua wanita masih diragui keupayaannya. Untuk melihat sejauhmana pendapat ini benar atau tidak, pengkaji cuba mendapatkan pandangan daripada guru-guru yang terlibat sendiri dengan organisasi sekolah yang dipimpin oleh pengetua wanita. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah ciri-ciri tingkah laku pengurusan yang perlu dilaksanakan dalam usaha menambah bilangan sekolah berkesan.

Objektif Kajian

Zaman mutakhir ini telah menyaksikan peningkatan penglibatan wanita dalam bidang pentadbiran di sekolah. Malah dalam tahun 1994 ketokohan pengetua cemerlang telah dianugerahkan kepada Cik Hamidah binti Wok Ahmad. Dengan demikian kajian ini dijalankan untuk meninjau tingkah laku pengurusan yang diamalkan oleh pengetua wanita di daerah Tawau. Pemangkin kejayaan sesebuah sekolah adalah bergantung kepada kecekapan pengetua menguruskan sumber-sumber yang ada di sekolah. Persepsi guru-guru diambilkira untuk melihat sejauhmana tingkah laku pengurusan pengetua wanita mempunyai kaitan dengan keberkesanan kepemimpinan mereka. Tingkah laku pengetua akan dikaji samada bercirikan motivasi perhubungan, berorientasikan tugas ataupun bersifat bebas. Keberkesanan kepemimpinan hanya akan dinilai melalui prestasi pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan SPM.

Selain daripada itu kajian ini juga mempunyai objektif-objektif khusus iaitu :

1. Mengenalpasti tingkah laku pengurusan yang diamalkan oleh pengetua wanita.
2. Mengenalpasti perbezaan persepsi guru mengikut jantina terhadap tingkah laku pengurusan pengetua wanita.
3. Mengenalpasti sejauhmana keberkesanan kepemimpinan pengetua wanita dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.
4. Mengenalpasti tingkah laku pengurusan pengetua wanita dan kaitannya dengan skor LPC.

Persoalan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah profil guru-guru di daerah Tawau secara am?
2. Apakah persepsi guru tentang tingkah laku pengurusan pengetua wanita?
3. Adakah terdapat perbezaan persepsi guru mengikut jantina terhadap tingkah laku pengurusan pengetua wanita?
4. Sejauhmanakah kepemimpinan pengetua wanita mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam (SPM)?
5. Apakah persepsi guru terhadap stail kepemimpinan pengetua wanita mengikut skor LPC?

Kepentingan Kajian

Mampukah wanita menjadi pemimpin yang berjaya terutama dalam bidang yang dimonopoli oleh kaum lelaki? Inilah isu yang sering ditimbulkan bukan sahaja dalam pendidikan tetapi juga dalam bidang pekerjaan yang lain. Tujuan penyelidikan ini akan cuba memberi sedikit sebanyak gambaran dan penjelasan tentang persoalan ini. Kajian juga dijalankan untuk melihat sejauhmana keberkesanan sekolah dibawah pimpinan pengetua wanita. Hasil daripada kajian ini nanti akan memberi ruang kepada lebih ramai lagi guru-guru wanita menceburi bidang ini.

Dapatan kajian ini juga akan menjadi garis panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mengadakan syarat yang lebih konsisten dan kriteria yang sesuai untuk

melantik pentadbir sekolah. Para pengetua yang dianggap sebagai model utama seharusnya disandang oleh individu yang benar-benar berkelayakan dan berkemahuan menjawat jawatan tersebut bukan lagi berasaskan kepada jawatan terkanan di sekolah tersebut. Kajian ini juga akan meninjau persepsi guru-guru tentang pengetua yang sebenar-benarnya boleh menjalankan tugas.

Diharapkan dapatan ini juga akan membantu para pengetua wanita mengkaji semula peranan mereka sebagai pemimpin, pengurus dan pentadbir sekolah. Di samping itu juga memberi dorongan kepada pengetua wanita memperbaiki kekurangan mereka dalam mentadbir sekolah dan mencari pelbagai kaedah dalam menyusun strategi yang lebih baik dalam menjadikan sekolah pimpinannya sebuah sekolah yang berkesan.

Penyelidikan ini juga mengkaji tentang stail pengurusan yang diamalkan oleh pengetua wanita. Melalui dapatan kajian nanti dapat memberi panduan kepada para pengetua untuk menganalisis semula keberkesanan dan kesesuaian stail kepemimpinan mereka dengan persekitaran kerja mereka. Lebih penting lagi, apakah stail kepemimpinan yang perlu dicontohi dan digunakan dalam menguruskan keperluan dan tuntutan yang datang dari pihak-pihak yang berkepentingan.

Limitasi Kajian

Penyelidikan ini membataskan kajian ke atas sekolah-sekolah yang mempunyai pengetua wanita di daerah Tawau sahaja. Seramai 167 orang guru telah mengembalikan soal

selidik yang diedarkan. Hanya 160 (53%) borang kaji selidik yang boleh di terima pakai untuk kajian ini. Hal ini berlaku kerana responden tersebut bertugas tidak melebihi satu tahun seperti yang dikehendaki dalam limitasi kajian. Pemilihan guru-guru ini adalah dipilih secara rawak. Pengisian soal selidik melibatkan guru-guru siswazah, bukan siswazah dan guru-guru tidak terlatih (guru sandaran) daripada semua jantina dan kaum.

Terdapat pengetua di beberapa buah sekolah mempunyai pengalaman mentadbir kurang daripada tiga tahun. Pengkaji membataskan kajian kepada guru-guru yang mengenali pengetua tidak kurang daripada satu tahun. Dengan mengenali pengetua di antara tempoh masa tersebut dapatlah guru berkenaan mengenali dan memahami serba sedikit gaya kepemimpinan yang dipraktikkan oleh pengetua mereka dalam mentadbir dan mengurus sekolah. Ia juga terbatas kepada keberkesanan kepemimpinan dari segi persepsi guru.

Definisi Operasional

Keberkesanan kepemimpinan

Isu utama kepemimpinan ialah keberkesanannya. Apabila pemimpin mampu menggunakan pengaruhnya dan pengaruh itu menyebabkan pengikut mencapai matlamat mereka, kepemimpinannya dianggap berkesan (Aminuddin, 1994). Satu persoalan yang memberi kesan terhadap sistem persekolahan ialah sistem penilaian dan peperiksaan. Salah satu pembolehubah yang dilihat sebagai keberkesanan kepemimpinan pengetua ialah pencapaian akademik pelajar. Oleh itu penilaian awal kepemimpinan yang berkesan ialah keupayaan pengetua meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Keberkesanan

kepemimpinan juga berlaku dalam keadaan dimana kejayaan dan kesesuaian pengajaran dan pembelajaran berlaku kepada semua guru dan pelajar. Keberkesanan kepemimpinan yang dilihat melalui kajian ini ialah pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan SPM.

Pengurusan

Pengurusan adalah merujuk kepada kelakuan rutin yang dikaitkan dengan sesuatu tugas (Lipham, 1964). Pengurusan juga merupakan satu cara bagi mencapai matlamat melalui pengendalian input yang terdiri daripada kakitangan, kewangan, bahan mentah dan teknologi dengan tepat. Pada asasnya konsep ini ialah proses melaksanakan keputusan yang diambil dan membahagikan tugas dikalangan anggota organisasi, mengatur sumber seperti alat dan wang supaya berkaitan antara satu sama lain. Pengurusan sekolah mencakupi semua bidang samada pengurusan dan pentadbiran sekolah, guru-guru, kakitangan sokongan, kewangan dan pelajar. Pengurusan sekolah dalam kajian ini dilihat dari aspek pencapaian matlamat, penyeliaan staf, membuat keputusan, kemahiran staf, perancangan program pengajaran dan pembelajaran (P & P) dan hubungan dengan murid.

Tingkah laku

Tingkah laku merujuk kepada amalan atau sikap yang ditunjukkan atau dilakukan oleh pengetua wanita dalam menguruskan pentadbiran sekolah. Pengurusan ini meliputi perkara dalaman dan luaran yang bersangkutan paut dengan sekolah.